



MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

MEMO

No. Ruj Kami : MSNS.100-1/8/1 ()
Tarikh : 1 Julai 2019

Tajuk	PERATURAN DAN PENETAPAN TERHADAP WAKTU MAKAN / MINUM PAGI BAGI WARGA KERJA MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR	
Daripada	PENGARAH EKSEKUTIF	Salinan
Kepada	PEGAWAI DAN KAKITANGAN MSNS	-TPBPK -TPBPS -TPBPGM

1. Adalah dimaklumkan bahawa, berdasarkan kepada pemerhatian, didapati sebahagian pegawai dan kakitangan keluar makan / minum pagi dengan mengambil masa yang lama melebihi 1 atau 2 jam. Keadaan ini menyebabkan pengurusan kerja yang dirancang tidak dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan pengawalan dan penambahbaikan, Majlis telah menetapkan waktu minum pagi dan makan tengah hari bagi warga kerja MSNS adalah seperti berikut:-

BIL	SESI	WAKTU	TEMPOH
1.	Minum Pagi	10.00-10.30 pagi	30 minit
2.	Minum Pagi	10.30-11.00 pagi	30 minit
3.	Makan Tengah Hari	1.00-2.00 tengah hari	1 jam

2/..

**PERATURAN DAN PENETAPAN TERHADAP WAKTU MAKAN / MINUM
PAGI BAGI WARGA KERJA MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

3. Pegawai penyelia hendaklah memastikan kakitangan di bawah seliaan masing-masing mengambil perhatian dalam mematuhi waktu minum pagi dan makan tengah hari seperti mana yang telah ditetapkan di para 2.


4. Kegagalan mematuhi peraturan ini boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai dan kakitangan yang terlibat. Arahan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya dan berkuat kuasa **1 Julai 2019**. Segala kerjasama, tindakan dan perhatian tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"SELANGOR PENERAJU KECEMERLANGAN SUKAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI P.P.T)

Fadhli/memoperaturanmakan/minumpagimsns/Desktop